



**JABATAN PREMIER SARAWAK**  
(UNIT PENGURUSAN & PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA)  
TINGKAT 9, 10 & 11 WISMA BAPA MALAYSIA  
PETRA JAYA, 93502 KUCHING  
SARAWAK



Rujukan : /2 /JPS/UPPSM/SK/500-3/1/2/JLD. /0  
Tarikh : 28 FEB 2024

**Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Sarawak  
Semua Ketua Badan Berkanun Sarawak  
Semua Setiausaha Majlis Bandaraya/Perbandaran/Daerah**

Y.A. Datuk / YBhg. Datuk Amar / YBhg. Dato Sri / YBhg. Datuk / YBhg. Datu / Tuan / Puan

**PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI KUARANTIN KHAS COVID-19 BAGI  
PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK**

Salam sejahtera dari unit Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (UPPSM) dan dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Merujuk kepada Pekeliling Perjawatan Negeri Sarawak Bilangan 5 Tahun 2020 Rujukan: 10/JKM/SHRU/TM/500-3/5/1/2/Jld.3 bertarikh 18 Mac 2020, Kerajaan Sarawak telah melaksanakan Cuti Kuarantin Khas COVID-19 bagi Penjawat Awam Negeri Sarawak bagi mengekang penularan wabak COVID-19.
3. Walaubagaimanapun, sejak kebelakangan ini, didapati ada pegawai Perkhidmatan Awam Sarawak yang telah menyalahguna kemudahan cuti kuarantin khas COVID-19. Sehubungan dengan itu, mulai tarikh surat edaran ini, semua permohonan cuti kuarantin khas COVID-19 **wajib** dilampirkan bersama pengesahan status sah positif COVID-19 dari hospital / klinik kerajaan / swasta.
4. Ketua Jabatan diperingatkan untuk memastikan pegawai mengikut arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa selaras dengan peraturan / pekeliling yang berkuatkuasa.
5. Surat edaran ini juga dipanjangkan kepada Badan Berkanun Sarawak dan Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”  
“AN HONOUR TO SERVE”**

*[Handwritten signature]*

**DATUK AMAR HAJI MOHAMAD ABU BAKAR BIN MARZUKI**  
Setiausaha Kerajaan  
SARAWAK

*“Together We Drive the Workforce in the Civil Service to be World Class”*



082 - 441957



082 - 445613



hrmmaklumat@sarawak.gov.my